

Produk penyelidik UPM dapat paten di UK, Amerika


Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

BIDANG penyelidikan dan pembangunan (R&D) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini sekali lagi mendapat pengiktirafan apabila dua produk ciptaan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mendapat paten di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK).

H-O Meter, kaedah dan alat untuk menguji kekuatan tanah serta batu, rekaan dua pensyarah Fakulti Kejuruteraan UPM, Dr Husaini Omar dan Ratnasamy Muniady yang mendapat hak paten AS, Mei lalu.

Dr Husaini berkata, hak paten itu dipegang oleh UPM dan beliau sendiri sebagai pereka ciptanya.

"Sebelum ini, terdapat rekaan pensyarah UPM dengan kerja-



Dr Husaini Omar

sama penyelidik universiti di AS yang mendaftar paten di negara berkenaan, tetapi paten ini dimiliki oleh universiti di AS.

"H-O Meter adalah ciptaan yang didaftarkan atas nama UPM

dan yang pertama mendapat paten di AS.

"Alat ini juga dipercayai hasil penyelidikan pertama di universiti awam yang mendapat paten di AS.

"Selain itu, kami juga sudah memohon dan sedang menunggu kelulusan paten di negara ini menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM)," katanya ketika ditemui di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

H-O Meter pada tahun lalu memenangi pingat emas di Pameran Produk Baru/Reka Cipta Ke-17 di Pittsburgh, AS.

Dr Husaini yang pernah memenangi anugerah Sainis Muda Negara 2000, kini adalah Timbalan Dekan (Pembangunan), Fakulti Kejuruteraan, UPM sejak September tahun lalu.

Selain H-O Meter, satu lagi rekaan pensyarah UPM mendapat paten luar negara ialah Blok

Putra, iaitu bahan binaan seperti batu-bata.

Bahan ciptaan tiga pensyarah Fakulti Kejuruteraan itu mendapat paten di UK pada bulan lalu.

Blok Putra hasil inovatif Prof Abang Abdullah Abang Ali, Prof Madya Dr Ir Mohd Razali Abd Kadir dan Dr Salleh Jaafar dan sebelum ini dikenali sebagai Blok Berangga Tahan Beban Kait Panca.

Dr Mohd Razali berkata, kumpulan penyelidikannya juga sudah menerima surat kelulusan paten di negara ini oleh PHIM.

Katanya, hak paten Blok Putra dipegang oleh kumpulan penyelidikan itu, UPM dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menaja kajian terbabit.

"Kami sekarang dalam perbincangan dengan beberapa syarikat yang berminat untuk meng-

komersialkan Blok Putra di negara ini.

"Selepas dilantik, syarikat ini bertindak mengeluarkan dan memasarkan produk ini ke seluruh negara.

"Kami jangka, Blok Putra akan dijual sebelum akhir tahun ini," katanya di Serdang.

Blok Putra pada April lalu meraih pingat emas menerusi Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa Geneva ke-29 di Switzerland.

Dr Mohd Razali yang juga Timbalan Pengarah, Institut Penyelidikan Perumahan, berkata, kini terdapat rumah contoh di Perak, Terengganu dan Kuching, Sarawak yang menggunakan Blok Putra.

Bagi yang ingin mendapat maklumat lanjut berkaitannya, boleh menghubungi talian 03-8946 7849 atau e-mel razali@eng.upm.edu.my.